



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 33 /2022

**KESEIMBANGAN HIDUP,
KUNCI KEBAHAGIAAN**

21 Muharram 1444 H

Bersamaan

19 Ogos 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْإِعْتِدَالَ سَبَبًا لِلسَّعَادَةِ فِي الدَّارَيْنِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ أَرْسَلَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ: فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ، لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ!

Marilah kita sama-sama berusaha untuk meningkatkan ketaqwaan dan ketaatan kepda Allah SWT pada setiap masa dan keadaan, dengan melaksanakan segala perintah Nya dan meninggalkan segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita akan mendapat rahmat Allah SWT di dunia dan akhirat. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah:

Keseimbangan Hidup, Kunci kebahagiaan

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah

Keseimbangan dan kesederhanaan merupakan suatu tuntutan dalam Islam bagi menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Fitrah manusia yang sejahtera memerlukan keseimbangan dalam semua urusan

hidupnya, justeru Allah SWT menjadikan agama Islam yang dianuti ini sebagai agama yang seimbang yang sesuai dengan kehendak fitrah manusia.

Antara kesimbangan yang dituntut oleh Islam dalam hidup ini ialah:

Pertama: Menjaga keseimbangan antara masa bekerja dengan kerehatan tubuh badan, selaras dengan tujuan Allah SWT menciptakan siang dan malam. Siang waktu untuk bekerja dan malam waktu untuk berehat.

Firman Allah dalam surah al Qasas ayat 73

وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ

تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

Yang bermaksud: Dan di antara rahmat pemberian Nya, ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia Nya, dan juga supaya kamu bersyukur.

Kedua: Menjaga keseimbangan dalam menunaikan hak-hak yang perlu ditunaikan, iaitu hak Allah, hak diri sendiri dan juga hak keluarga. Janganlah terlalu mementingkan hak tertentu sehingga mengabaikan hak yang lain. Jadikanlah kisah yang berlaku antara dua orang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Salman al Farisi dan Abu al Darda' sebagai pengajaran dan pengiktibaran:

Salman dan Abu al Darda' merupakan dua orang sahabat yang dipersaudarakan oleh Rasulullah SAW dalam peristiwa Hijrah. Setelah lama berpisah Salman pun pergi menziarahi Abu al Darda' pada suatu hari, lalu mendapati Abu al Darda' hanya memenuhi keseluruhan masanya untuk beribadat kepada Allah SWT, siang berpuasa, malam Qiamullail, tanpa mempedulikan hak-hak isteri dan keluarga, maka berlakulah dialog antara dua sahabat ini. Pada penghujung ziarah tersebut Salman menasihatkan Abu al Darda' supaya mengimbangi antara hak-hak tersebut dengan katanya:

"إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا،
فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ".

Yang bermaksud: Bahawa sesungguhnya bagi Tuhanmu hak yang wajib engkau tunaikan, bagi dirimu hak yang wajib engkau tunaikan dan bagi isterimu hak yang wajib engkau tunaikan, oleh itu berikanlah setiap yang berhak itu haknya.

Kemudian mereka datang berjumpa dengan Rasulullah dan menceritakan hal tersebut kepada Baginda, lalu Baginda SAW bersabda: **صَدَقَ سَلْمَانُ** (Benarlah tindakan Salman itu)

(H.R. Bukhari)

Kisah tersebut menunjukkan bahawa walaupun beribadat kepada Allah SWT merupakan suatu tuntutan yang besar, namun ia tidak seharusnya sampai mengabaikan keperluan diri dan keperluan keluarga, justeru bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan hidup, imbangkanlah antara tanggungjawab beribadat kepada Allah, tugas harian, dan menunaikan hak keluarga.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Ketiga: Menjaga keseimbangan antara pengurusan kewangan dan perbelanjaan, iaitu dengan cara bersederhana, tidak boros dan tidak kedekut. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

Keempat: Menjaga keseimbangan antara tuntutan rohani dan jasmani. Allah SWT menjadikan manusia ini terdiri daripada roh dan jasad, justeru manusia perlu menjaga kedua-duanya dengan seimbang, supaya hidup sentiasa dalam keadaan tenang dan aman damai. Untuk menjaga kerohanian, maka disyariatkan ibadat-ibadat

khusus seperti solat, puasa, zakat, haji, zikir dan sebagainya yang menjadi asbab kepada ketenangan jiwa.

Untuk menjaga jasmani pula, Allah SWT mengharuskan perkahwinan, makan minum, berhias diri dan sebagainya yang menjadi keperluan naluri fitrah manusia yang sejahtera. Oleh itu jika tuntutan rohani dan jasmani tidak diimbangkan, seseorang manusia tidak akan dapat hidup aman damai dan bahagia, kerana bertentangan dengan fitrah.

Rasulullah SAW menegur tiga golongan sahabat yang bertindak keterlaluan dalam melaksanakan ibadat kepada Allah, dengan berpuasa sepanjang masa, qiamullail sepanjang masa dan tidak berkahwin selama-lamanya.

Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud :

“Adakah kamu berkata begini-begini? Ketahuilah, demi Allah, aku lebih takut kepada Allah dan lebih bertakwa kepada Nya daripada kamu, tetapi aku berpuasa dan aku berbuka, aku solat dan aku tidur dan aku berkahwin dengan kaum wanita, oleh itu sesiapa yang membenci sunnahku maka dia bukan dari orang yang mengikut sunnahku. “

(H.R. Bukhari)

Kesimpulannya, keseimbangan merupakan perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Tanpa keseimbangan, manusia tidak akan dapat mengecapi nikmat kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا

عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾ أُولَٰئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٢٠٢﴾

Yang bermaksud: Dan di antara mereka pula ada yang berdoa: Wahai Tuhan kami; berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka." Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya.

(Surah al- Baqarah ayat :201-202)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan. Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami, keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.